

Mahathir puji projek sukarela swasta

KUALA LUMPUR, Khamis — Perasmian menara jam 'Mercutanda UMW' di persimpangan Lebuhraya Persekutuan dan Jalan Lapangan Terbang Subang hari ini melambangkan bagaimana sebuah syarikat swasta menyahut seruan kerajaan supaya semua sektor sama-sama mewujudkan konsep Persyarikatan Malaysia, dengan menumpukan perhatian kepada pembersihan dan pengindahan negara.

Syarikat United Motor Works (UMW) secara sukarela telah membina menara jam yang dikelilingi taman berharga \$1 juta di persimpangan itu.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini merasmikan pembukaan menara yang disiapkan dalam masa 100 hari.

Dalam ucapannya, Perdana Menteri berkata projek itu adalah yang terbesar dilaksanakan secara sukarela oleh syarikat swasta dalam rancangan pengindahan negara ini.

Sikap

UMW juga membelanjakan hampir \$6,000 sebulan untuk menyelenggarakan kawasan itu.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, sikap seperti yang diamalkan oleh syarikat itu akan menjadikan Malaysia sebuah negara yang dihormati dan disanjung tinggi.

Beliau berkata, baru baru ini kerajaan menumpukan perhatian kepada pembersihan dan pengindahan negara.

Sementara kebanyakan dari tempat-tempat awam diselenggarakan sendiri oleh kerajaan, tetapi sebagai sebahagian dari konsep tanggungjawab bersama, kerajaan menjemput syarikat-syarikat mengambilalih tanggungjawab mengindahkan kawasan-kawasan tertentu.